

Pengusaha kurang cebur sektor pembuatan

BH 19 FEB 1991

MENTALITI untuk 'cepat dapat wang' menyebabkan pengusaha tempatan tidak berminat menyertai sektor pembuatan atau perkilangan, tetapi lebih gemar membeli saham dan mendapat keuntungan keesokannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di samping itu, katanya, pengusaha tempatan juga lebih gemar memberi tumpuan kepada bidang yang memberi pulangan lumayan, contohnya, memajukan tanah dan kawasan perumahan, menanam kelapa sawit, kewangan dan beberapa bidang lagi.

Katanya, mereka tidak berminat membatik diri dalam bidang pembuatan kerana ia mengambil masa lima atau enam tahun untuk mendapat penghasilannya.

Menurutnya, mentaliti seperti ini masih wujud kerana mereka tidak mempunyai modal, kepakaran serta kemahiran bagi menceburi sektor tertentu.

Oleh itu, katanya, kerajaan menggalakkan penyertaan asing supaya pengusaha tempatan dapat mempelajari kepakaran dan pengetahuan yang diperlukan agar mereka juga dapat menceburi bidang-bidang berkenaan.

"Kita tidak mempunyai kepakaran dan pengetahuan pasaran bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, dengan bergantung kepada sektor dalam ne-

gara semata-mata.

"Apabila kita membawa masuk pelaburan asing, kita berharap rakyat kita dapat menyediakan arah baru dalam kegiatan perniagaan mereka," katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam Rancangan Wawancara Khas dengan Perdana Menteri, di RTM malam ini. Ahli panel ialah Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Dr Noordin Sophie; Ketua Eksekutif Bank Buruh, Tan Sri Ramon Navaratnam dan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Datuk Dr Kamal Salih.

Perdana Menteri berkata, pengusaha tempatan tidak begitu berminat menceburi bidang pembuatan kerana ia adalah projek jangka panjang yang mengambil masa bagi mendapatkan penghasilannya, di samping mereka sendiri tidak mempunyai pengetahuan mengenai teknologi atau aspek pasarannya.

"Tetapi jika kita belajar dan kita bersedia mengambil risiko, saya rasa, kita akan kurang bergantung kepada penyertaan asing dalam ekonomi kita.

"Ketika itu, sudah tentu kerajaan akan memberi apa juga pertimbangan kepada sektor dalam negeri. Memberi mereka apa juga keistimewaan yang mereka harapkan. Jika tidak, kita tidak boleh menarik pelaburan

asing kerana mereka mempunyai pelbagai pilihan, mereka boleh pergi ke tempat lain," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah berusaha menggalakkan pelaburan tempatan menceburi bidang lain, seperti sektor pembuatan.

Katanya, kini telah ramai pengusaha tempatan yang menceburi bidang pembuatan daripada sebelum ini, tetapi ia masih belum mencukupi dan memerlukan masa lagi.

"Rakyat Malaysia yang mempunyai wang mesti menerima hakikat bahawa ia mengambil masa untuk menceburi bidang pembuatan, dan sebab itulah mengapa adakalanya kerajaan sendiri terpaksa menceburinya.

"Sebagai contoh, jika kita bertanya sektor swasta mengapa tidak melaburkan \$800 juta untuk mengeluarkan kereta, saya rasa mereka tidak akan berbuat demikian. Atau melabur dalam kilang besi waja atau apa jua industri yang memerlukan modal besar yang mengambil masa lima atau enam tahun," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, mereka lebih gemar membeli saham dan mendapat keuntungan keesokannya dan mentaliti seperti ini masih wujud kerana tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran untuk membabitkan diri dalam bidang tertentu.